



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERMATA YUNNEFRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Institusi AGAMA perlu LEBIH AKTIF



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat bercemar duli menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian di perhimpunan dan perarakkan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru institusi agama yang berkaitan agar lebih aktif dalam mengajak dan menyedarkan ummah, sehingga benar-benar berjaya menjadikan umat Islam memahami dengan betul dan berupaya merasakan betapa manisnya iman dari ajaran-ajaran Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.

Menurut baginda, selama mana kemanisan iman tidak dapat dinikmati dan dikecap kelazatannya, maka selama ituolah kekuatan bagi menghayati ajaran-ajaran Islam itu tidak akan diperolehi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam tahun 1421 Hijriah yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen

(bersambung ke muka 20)

Muharram-Rabiulawal 1421
April - Jun 2000
Tahun 4 Bilangan 2

Menarik Di Dalam :

- 4** Baitul Qur'an Di Bahrain Turut Dilawati
- 6** Fatwa Mufti Kerajaan:
- 6** Enggan Memberi Jalan Laluan
- 12** Halaqah: Rokok Boleh Membunuh?
- 13** Women In Funeral Rites And Grave Visits
- 14** Keindahan Islam Membawa Petunjuk

MENGUKUHKAN JATI DIRI BANGSA: Contohi Akhlak Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam



Al-Hadaf Tahun 4 Bil: 2 • Muharram-Rabiulawal 1421 / April - Jun 2000

Kita sering membaca dan mendengar mengenai usaha-usaha ke arah mengukuhkan jati diri sesuatu bangsa kerana ia merupakan salah satu karek-teristik penting dalam pembangunan sesebuah negara. Jati diri bangsa adalah akar umbi dan tunjang keutuhan hidup berbangsa dan bernegara. Goyah kriteria ini, bermakna akan goyahlah keutuhan pembangunan bangsa itu sendiri.

Sebilangan orang asyik memperkatakan jalan bagaimana untuk kembali mengukuhkan jati diri bangsa itu. Sebilangannya pula sedang mencari-cari dan membilang-bilang serta menghimpun sejumlah sifat-sifat jati diri bangsa itu, yang kemudiannya akan dipromosi dan diperkenalkan semula kepada masyarakat. Ini adalah kerana mungkin ada sebilangan orang sudah lupa akan ciri-ciri jati diri bangsanya sendiri.

Sebenarnya, dalam keadaan kita mengenal pasti jati diri bangsa, ada orang mudah lupa akan jati diri murni umat Islam. Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* sejak lebih seribu empat ratus tahun yang lalu telah menggariskan jati diri yang unggul yang mesti menjadi ikutan kita sebagai umatnya. Apakah jati diri umat Islam itu? Salah satunya ialah budi pekerti dan akhlak yang mulia. Ajaran inilah yang menjadikan umat Islam menjadi umat, masyarakat dan bangsa yang bermoral tinggi dan maju. Sabda Nabi yang bermaksud : "Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Hadis riwayat Malik). Ini menegaskan lagi betapa besarnya peranan akhlak, budi pekerti atau bermoral tinggi itu di

dalam diri seseorang yang menjadi personaliti wajib atau jati diri individu.

Adalah tidak diragukan bahawa akhlak, budi pekerti yang mulia atau moral yang tinggi itu menjadi kriteria bangsa yang maju dalam pembangunan bangsa dan negara. Kerana daripada sifat-sifat tersebut, akan lahir disiplin diri yang berkualiti tinggi dalam menanai tugas dan tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, bangsa dan negara. Disiplin yang tinggi akan melahirkan daya saing yang sihat untuk menghasilkan produk, kemajuan atau teknologi bagi sesuatu bangsa dan negara. Sebaliknya, nilai atau kualiti moral dan disiplin yang rendah boleh melemahkan masyarakat, bangsa dan negara. Dan seterusnya akan mewujudkan masalah dan penyakit sosial berleluasa di dalam kehidupan masyarakat. Bila nilai moral masyarakat dan bangsa sudah lemah, maka perpaduan dan kekuatan di dalam keluarga, masyarakat, bangsa dan negara akan menjadi lemah. Apabila semua ini menjadi lemah dan kucarkacir, adalah dikhawatir pengaruh-pengaruh negatif yang dibawa oleh arus globalisasi akan masuk di tengah-tengah ruang kelemahan itu. Paling menakutkan lagi ialah maruah, moral dan nilai-nilai murni bangsa akan tergadai.

Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam mestilah kembali kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*, kerana di sanalah letaknya kekuatan dan jaminan jati diri sejati umat Islam. Sesungguhnya Allah akan sentiasa bersama orang-orang yang mematuhi ajaran RasulNya.

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja
Khatib Haji Abu Hanifah,
Pengarah Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Sufiyah binti Haji Tuah
Dayang Hajah Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas elisan Foto
kepada:
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
dan
Pusat Da'wah Islamiyah
Kementerian Hal Ehwal Ugama.*

PERINGATAN

**Jagalah suratberita ini
dengan baik dan cermat,
kerana ia mengandungi
ayat-ayat al-Qur'an dan
hadis Nabi
*Sallallahu 'alaihi wasallam***

Jangan LUPA kepada ALLAH..... Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam supaya jangan lupa kepada Allah dalam apa jua rintangan dan perjuangan yang dilalui.

Menurut baginda, minta dan tagihlah pertolongan Allah. Baca dan hayatilah ayat-ayatNya, serta banyakkan zikir mengingatiNya.

Baginda menambah, sejarah hijrah telah memaparkan keberanian, ketaatan, kesabaran dan tawakkal yang bulat kepada Allah. Kemudian menyusul kedatangan "pertolongan ghaib" sehingga menyebabkan musuh menjadi kelam kabut dan hilang pedoman.

"Jika perkara ini boleh berlaku pada seribu empat ratus tahun yang lalu, mengapakah ia tidak boleh berlaku pada masa ini? Bukankah yang empunya pertolongan itu ialah Allah, Yang Maha Hidup Lagi Maha Kekal? Di manapun tempat, dan bilapun masanya, Allah adalah tetap Wujud, tetap Berkauasa untuk memberikan pertolonganNya kepada siapa sajanya yang dikehendakiNya?"

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian dalam titah perutusan sempena menyambut awal Tahun Baru Hijriah 1421 di Istana Nurul Iman yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 1 Muharram, 1421 bersamaan 5 April, 2000.

Pada pagi 6 April, 2000 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1421 Hijriah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan tiga Anugerah Bakti Hijrah.

Penerima-penerima Anugerah Bakti Hijrah itu ialah Awang Haji Abdul Hamid bin Perali, Pengiran Haji Yussof bin Pengiran Sabtu dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Mohammad. Mereka menerima wang tunai sepuluh ribu ringgit, sijil



Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda-anakanda baginda telah dijunjung dan dialu-alukan oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi sambutan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Mohammad.

penghormatan, cenderamata dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana rumah sakit kerajaan.

Berangkat sama di majlis itu ialah Putera-Putra Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an dan diikuti dengan sembah alu-aluan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Hari-Hari Kebesaran Islam. Majlis diakhiri dengan do'a selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sambutan Awal Tahun 1421 Hijriah bertema Mengukuhkan Jati Diri Ummah Menurut Ajaran Islam.

BAITUL QUR'AN

di Bahrain TURUT DILAWATI



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata daripada Menteri Kehakiman Bahrain, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah bin Khalid Al-Khalifa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Bahrain dalam rangka keberangkatan kerja baginda selama dua hari di sana bermula 21 April, 2000.

Sepanjang berada di sana Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengadakan pertemuan dengan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Hamad, Amir Bahrain dan Yang Teramat Mulia Sheikh Khalifa, Perdana Menteri Bahrain. Baginda juga berkenan mengadakan kunjungan ke beberapa institusi dan tempat-tempat penting di sana. Salah satu institusi yang baginda lawati ialah Baitul Qur'an.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kompleks berkenaan dijunjung oleh Menteri Kehakiman Bahrain, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah bin Khalid Al-Khalifa dan Pengasas Baitul Qur'an, Dr. Abdul Latif Kanoo.

Baitul Qur'an yang ditubuhkan

pada tahun 1990 itu adalah sebuah kompleks yang amat menarik kerana menempatkan koleksi mushaf yang terdiri daripada berbagai-bagai bentuk naskhah yang ditulis dengan tangan berusia beratus-ratus tahun sebelum mesin cetak dicipta. Di antara pameran yang menarik perhatian

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah ayat-ayat al-Qur'an yang ditulis pada beras.

Selain koleksi al-Qur'an, kompleks itu juga mempunyai sebuah sekolah, masjid, perpustakaan kajian dan auditorium.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan mengenai Baitul Qur'an oleh pengasasnya iaitu Dr. Abdul Latif Kanoo.

LAGI Memeluk ISLAM di HADAPAN RAJA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan majlis pengislamahan Dayang Siti Fatimah binti Abdullah di rumah penghulu Mukim Keriam, Tutong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke daerah Tutong dan Temburong berkenan menyaksikan pengislamahan bagi 16 orang daripada lima keluarga Iban.

Pada hari Isnin 2 Rabiulawal, 1421 bersamaan 5 Jun, 2000 ketika berangkat bagi mengurniakan anak kunci bagi empat buah rumah di bawah Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di daerah Temburong, seramai 15 orang telah memeluk agama Islam.

Majlis pertama berlangsung di rumah Dayang Nor Fatimah binti Abdullah di Kampong Sumbiling Lama. Seramai 7

Dari muka 17

Bagi sembahyang fardhu Jumaat ditambah satu lagi, iaitu berniat menjadi imam atau menjadi makmum. Sebagai contoh:

اَصْلَى فِرْضَ الْجُمُعَةِ مَأْمُومًا

Ertinya: "Sahaja aku sembahyang fardhu Jumaat menjadi makmum."

Jika tidak diniatkan menjadi imam atau menjadi makmum ketika *takbiratul ihram*, nescaya tidaklah sah sembahyang Jumaat seseorang itu.

Bagi Sembahyang Qashar, perkara-perkara yang menjadi tuntutan yang mesti disertakan ketika *takbiratul ihram* ialah *qashad* (aku sembahyang) *ta'arrudh* (fardhu), *ta'yin* (*Zuhur*), dan *qasar*.

orang daripada dua buah keluarga yang diketuai oleh Juti Anak Nyalong dan Ansa Anak Mergi telah memeluk Islam. Mereka kini dikenali sebagai Muhammad Nasir bin Abdullah dan Mohammad Najmi bin Abdullah. Turut sama memeluk Islam ialah isteri dan anak mereka.

Sementara itu di rumah Awang Mohammad Shahrul bin Abdullah di Kampong Sumbiling Baru, 4 orang telah memeluk Islam. Tumbi Anak Doyou kini dikenali sebagai Mohammad Azwan bin Abdullah. Memeluk Islam bersama beliau ialah isteri dan 2 orang anaknya.

Di rumah Awang Haji Badas, Penghulu Mukim Amo pula, ketua keluarga Jantan Anak Mili bersama isteri dan 2 orang anaknya telah memeluk Islam. Jantan

Maka apabila keempat-empat perkara tersebut disatukan jadilah seperti berikut:

اَصْلَى فِرْضَ الظُّهُرِ قَصْرًا

Ertinya: "Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur qashar."

Sementara bagi sembahyang sunat yang mempunyai waktu dan sembahyang sunat yang mempunyai sebab, maka wajiblah disertakan di dalam niat ketika *takbiratul ihram* dua perkara, iaitu *qashad* (aku sembahyang) *ta'yin* (*sunat Hari Raya Adhha*, *sunat gerhana bulan*, dan sebagainya).

Termasuk juga dalam perkara ini, menentukan *qabliyah* dan *ba'diyah* dalam sembahyang sunat Rawatib. Ini tertentu kepada sunat Zuhur, Maghrib dan 'Isya', seperti dinyatakan dalam niat: "Sunat Zuhur

Anak Mili kini dikenali sebagai Mohammad Yussof bin Abdullah.

Terdahulu dari itu semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke daerah Tutong bagi menyempurnakan pengurnian Geran-Geran Tanah Di Bawah Skim Penggeranan Tanah Tumpang Sementara (T.O.L) dan Anak-anak Kunci Rumah Di Bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Bukit Beruang, pada hari Rabu 20 Safar, 1421 bersamaan 24 Mei, 2000, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pengislamahan Dayang Donot Anak Tedung. Majlis berlangsung di rumah penghulu Mukim Keriam. Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf. Dayang Donot Anak Tedung yang berasal dari Kampong Tasek Merimbun kini dikenali sebagai Dayang Siti Fatimah binti Abdullah.

Kesemua majlis pengislamahan disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

qabliyah/ba'diyah.

Adapun sunat Subuh dan 'Ashar tidaklah disyaratkan menentukan *qabliyah*, kerana kedua-dua sembahyang tersebut tidak terdapat padanya melainkan sunat *qabliyah* sahaja.

Bagi sembahyang sunat mutlak pula wajib disertakan di dalam niat semasa *takbiratul ihram* satu perkara sahaja iaitu *qashad*. Umpamanya seseorang berniat ketika mengangkat *takbiratul ihram* (*Allâhu Akbar*): "Sahaja aku sembahyang".

Begitulah kaedah bagi menyempurnakan niat di dalam sembahyang untuk panduan agar kita dapat menyempurnakan niat itu dengan betul dan akan terhindar daripada berasa was-was terutamanya ketika *takbiratul ihram*. ■

Enggan Memberi Jalan Laluan

Soalan:

Seperti mana dimaklumi bersama, peningkatan pembangunan di akhir-akhir ini makin terasa dan ketara. Dalam hubungan itu Jabatan Tanah sering mengalami masalah bagi tanah-tanah yang belum ada jalan laluan (lebih dikenali sebagai tanah-tanah tersekat) sama ada letaknya jauh di belakang ataupun berhampiran dengan jalan utama dan seumpamanya.

Setakat ini tindakan-tindakan penyelesaian perkara tersebut telahpun diusahakan di mana jalan laluan tersebut terpaksa melewati dan melibatkan beberapa keping tanah persendirian yang pada hakikatnya pemilik-pemilik tanah yang terlibat enggan berbuat sedemikian. Walau bagaimanapun pada umumnya perkara ini sepatutnya ditangani oleh pemilik-pemilik tanah di persekitaran kawasan tersebut bagi mewujudkan suasana kejiranan.

Dari itu jabatan ini ingin mengetahui daripada sudut pandangan Islam berhubung dengan hukum-hakam atau hadis mengenai dengan masalah yang telah ditimbulkan.

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْفَلَقِ الرَّحْمٰنُ الرَّحِيْمُ إِلٰيْنٰكَ تَعَالٰى الْحَقُّ وَالصَّوَابُ ، وَالشَّكٰةُ وَكُلُّكُمْ عَلٰى رَسُولِهِ خَاتَمِ النَّبِيِّنَ وَالرَّسُولِ ، وَلَهُ وَحْدَهُ الْحَمْدُ

Di antara sifat orang mukmin itu ialah sangat menyayangi dan mencintai saudaranya dalam Islam kerana sesiapa yang tidak mencintai saudaranya akan menjadi kuranglah imannya. Cinta yang dimaksudkan ialah cinta yang didasarkan kepada agama, bukan kemanusiaan semata-mata. Inilah cinta yang disebut oleh hadis:

عَنْ أَبِي حَمْزَةِ أَنَسِ بْنِ نَابِلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَمْزَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَنَسِ بْنِ نَابِلٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَخْذَنُمْ حَتَّى يُجْبِبَ لَأَبِيهِ مَا يُجْبِبُ لَنَفْسِهِ

Maksudnya: “Daripada Abu Hamzah Anas bin Malik Radhiyallahu ‘anhu Khadim Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam daripada Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam sabdanya. “Tiada beriman seseorang kamu hingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya.”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Berkata Syeikh Hasan al-Mudabighi: “Ibnu al-‘Imad sewaktu menghuraikan hadis ini menjelaskan:

“Bahawa adalah lebih utama supaya pengertian ‘mencintai’ itu digunakan dengan seluas-luasnya sehingga meliputi orang yang kafir dan yang Islam. Maka wajiblah seorang Islam mencintai orang kafir seperti dia mencintai dirinya sendiri supaya orang kafir itu memeluk agama Islam sebagaimana dia mencintai saudaranya yang Islam supaya kekal terus dalam agama Islam dan kerana itu - menurut katanya - do'a supaya dikurniakan hidayah kepada orang kafir adalah disukai.” (Fatih al-Mubin li Syarh al-Arba'in li Ibn Hajar al-Haitami h. 146).

Adapun erti tiada beriman pada hadis ini ialah ketiadaan iman yang sempurna. Cinta yang dimaksudkan pula ialah cinta untuk memperolehi kebaikan dan manfaat. Kemudian cinta itu bukanlah cinta kerana tabiat kemanusiaan tetapi kerana roh keagamaan kerana tabiat manusia sememangnya tidak suka melihat orang lain mendapat kebahagiaan atau orang lain itu berbeza keadaan daripadanya.

Seorang manusia wajib menyalahi tabiat kemanusiaannya yang buruk dan berdo'a untuk saudaranya serta berharap kebaikan untuknya sebagaimana yang dilakukan untuk dirinya sendiri.

Kita melihat persoalan hadis ini ada kaitan dengan keengganan seseorang yang tidak membenarkan untuk melalui tanahnya daripada sudut bahawa tuan tanah itu kurang perasaan kasih sayang kepada jiran tanahnya yang berhajat. Tafsiran lain ialah kemungkinan tuan tanah itu mempunyai perasaan negatif dan yang paling kita takuti ialah perasaan dendki. Dengki itu menurut kitab Mau'izhah al-Mu'min min Ihya' 'Ulum ad-Din bagi Syeikh Muhamad Jamaluddin al-Qasim ad-Dimasyqi, h. 322 ada tafsirannya iaitu:

- Merasa benci terhadap nikmat yang diperolehi oleh seseorang dan bercita-cita supaya nikmat itu akan hilang daripada orang itu.
- Tidak bercita-cita supaya nikmat itu hilang daripada orang itu, akan tetapi bercita-cita memperolehi nikmat yang sama. Ini dinamakan *ghibtah*.

Yang pertama itu adalah haram dalam semua perkara, melainkan nikmat yang diperolehi orang yang derhaka di mana dia menggunakan nikmat itu bagi perkara yang haram seperti



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

membuat bencana kerosakan dan penganiayaan. Maka tidak mengapa seseorang itu bercita-cita supaya nikmat yang diperolehi secara derhaka itu hilang daripada orang itu, ditinjau daripada sudut bahawa nikmat itu sebagai alat perosak.

Sesungguhnya perasaan benci supaya hilangnya nikmat itu bererti tidak rela terhadap qadha Allah yang memberi kelebihan kepada hamba-hambaNya di atas yang lain.

Kebencian yang sedemikian itu tidak ada alasan dan kelonggaran.

Sifat ingin supaya orang lain kehilangan nikmat digambarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala':

إِنْ تَنْسِكُمْ خَسَنَةً تَزَمَّنْتُمْ وَإِنْ تُمْكِنُمْ سَيْئَةً تَزَمَّنْتُمْ بِهَا
(Surah Al-Isra' : 111)

Tafsirnya: “Kalaupun kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka, dan jika kamu ditimpah bencana, mereka bergembira dengannya.”

(Surah Al-‘Imran, 120)

Kegembiraan ini disebut sebagai *syamātah* erti perasaan gembira atas bencana yang menimpa orang lain. Dengki dan *syamātah* ini beriringan.

Menurut hadis di atas dan hadis-hadis lain seumpamanya bahawa seseorang yang beriman hendaklah menjadi orang yang sempurna imannya dengan mengasihi saudaranya sama seperti ia mengasihi dirinya sendiri; baik baginya, baik pula untuk saudaranya, buruk baginya, buruk pula untuk saudaranya. Tidak ada baginya perbezaan perasaan bahawa yang baik itu untuknya, sedang yang buruk pula untuk saudaranya.

Orang yang beriman sebenarnya orang yang

bertimbang rasa terhadap saudaranya. Gembira dan duka adalah perasaan yang dirasai bersama.

Sifat yang sedemikian digambarkan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

مُثْلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِعِهِمْ وَتَرَاحِبِهِمْ وَتَعَاطِفِهِمْ مُثْلُ الْحَسِيدِ يَا أَيُّهُكُمْ
يَهُ عَضُورٌ تَذَاغِي لَهُ سَابِقٌ أَخْسِدَ بِالْمَهْرِ وَالْحُسْنَى
(Surah al-Anفال: 28)

Maksudnya: "Perumpamaan orang mukmin dalam kasih sayangnya, belas kasihannya dan kemesraannya, laksana sebatang tubuh, bila salah satu anggotanya mengadu sakit, seluruh anggota yang lain sama-sama merasa demamnya dan berjaga malam."

(Hadis riwayat Muslim)

Orang yang beriman di dalam pergaulan, adalah sebagai kata-kata peribahasa: "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing", "Mendapat sama berlaba, kehilangan sama berugi". Semua ini berlaku kalau perasaan *mahabbah* atau saling cinta mencintai dan kasih sayang itu meresap ke lubuk jiwa sebagai orang mukmin sejati.

Betapa pentingnya perasaan kasih sayang tersebut didasarkan kepada iman untuk menjadi asasnya yang kuat kerana di atas dasar inilah sahaja dapat diletakkan persatuan dan persaudaraan yang bersih, terhindar daripada anasir-anasir perpecahan dan permusuhan. Inilah yang dikehendaki daripada pengajaran al-Qur'an yang terang-terang menyatakan seperti berikut:

وَتَقْصِيْرُوا بِعَنْكِيْلِ اللَّهِ خَيْرِيْمَا وَلَا تَغْرِيْرُوا

(Surah Al-Hijr: 103)

Tafsirnya: "Dan berpeganglah kamu sekalian dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah."

(Surah Al-'Imran 103)

Ayat ini bermaksud supaya sekalian orang yang beriman berpegang teguh dengan tali Allah; tali yang dilarang diputuskan oleh perasaan benci membenci dan pandang memandang kerana berlainan kedudukan dan aliran fahaman, yang mana menyebabkan putusnya perasaan cinta di antara sesama sendiri.

Salah satu daripada tuntutan-tuntutan Islam itu ialah perpaduan dan persatuan. Al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* banyak memperkatakan tentang kepentingan perpaduan itu. Perpaduan itu adalah kekuatan.

Tuntutan perpaduan itu adalah dalam semua peringkat; keluarga, masyarakat dan umat Islam keseluruhannya.

Sebaliknya perpecahan itu melemahkan, bahkan merugikan sesama sendiri lebih-lebih lagi jika yang menyebabkan perpecahan itu

ialah sesuatu yang tidak wajar. Soal permohonan seseorang supaya dia dapat masuk ke tanahnya melalui tanah yang lagi satu adalah persoalan harta. Dalam hubungan ini harta boleh menjadi fitnah. Inilah peringatan Allah:

وَتَقْتُلُوْا أَنْتَ أَنْزَلْتُكُمْ وَأَوْلَادَكُمْ فِيْهِ
(Surah al-Anفال: 28)

Tafsirnya: "Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi fitnah yakni ujian."

(Surah al-Anfal: 28)

Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* memberi peringatan yang sama:

إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ فِتْنَةً ، وَإِنَّ فِتْنَةَ أُمَّةِ الْمَالِ

(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: "Sesungguhnya tiap-tiap umat itu ada fitnahnya, dan fitnah bagi umatku ialah harta."

(Hadis riwayat Ahmad)

Kita sengaja bercakap panjang mengenai kasih sayang dan cinta mencintai sesama Islam kerana ingin menghubungkan persoalan tanah yang dipohonkan fatwa.

Kiranya orang Islam mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap saudara sesama Islam, tentulah tidak timbul persoalan keengganan pemilik tanah sebagaimana yang dipohonkan fatwa kerana tentunya masing-masing pemilik tanah akan mencari jalan keluar supaya tanah yang tersekat dapat diatasi secara perundingan dan persefahaman. Mencari penyelesaian dengan cara ini boleh dilakukan dengan berbagai jalan, seperti berimbiah, tukar ganti tanah, menjual tanah yang dikehendaki sebagai laluan itu atau lain-lain cara yang disepakati supaya pemilik tanah yang tersekat dapat menyelesaikan masalahnya. Inilah cara hidup Islam.

Apabila pemilik tanah yang dipohonkan enggan dan tidak bertolak ansur, maka unsur mementingkan diri sendiri sudah berlaku.

Mementingkan diri sendiri sangat tercela kerana ia merupakan suatu unsur yang boleh melemahkan perpaduan. Para sahabat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* telah menunjukkan contoh yang baik tentang prinsip berkurban demi kepentingan umum dan tidak mementingkan diri sendiri. Inilah sifat yang mereka pelajari daripada pendidikan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Al-Qur'an telah merakamkan sifat terpuji para sahabat itu:

وَتَنْهِيْرُوْنَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَئِنْ كَانُوْنَ يَهْمِ حَسَانَةً

(Surah al-Mulk: 9)

Tafsirnya: "Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun

mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat (apa yang mereka berikan itu)."

(Surah al-Hasyr: 9)

Di antara prinsip peribadi Muslim yang baik itu tergambar daripada ajaran Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* secara umum iaitu:

الْمُسْلِمُ مِنْ سَلِيمٍ الْمُسْلِمُونَ مِنْ إِسْلَامٍ وَيَدِهِ
(Riwayat al-Bahrani, Wasilah dan Tirmidzi)

Maksudnya: "Orang Islam ialah mereka yang sejahtera sekalian orang Islam daripada (bahaya) lidah dan tangannya."

(Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Tirmidzi)

Sabda Baginda lagi:

وَالَّذِي تَصْبِيْرُ يَدِهِ لَا تَدْخُلُ الْجَنَّةَ حَتَّى تُوْبُوا وَلَا تُؤْمِنُ حَتَّى تَحْبُّوا
(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: "Demi nyawaku yang ada dalam tanganNya (Allah), kamu tidak masuk syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak beriman kecuali kamu saling mencintai."

(Hadis riwayat Tirmidzi)

Sabda Baginda lagi:

لَا تَنْهِيْرُ أَخْرَى الْمُسْلِمِ لَا يَنْهِيْرُهُ وَلَا سَلِيمٌ وَمِنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَجْمَعِيْ
كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ ، وَمِنْ فَرَّجَ عَنْ سَلِيمٍ كُرْبَةَ فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةَ مِنْ
كُلِّ رَبِّ يَوْمَ الْقِيَمَةِ ، وَمِنْ سَنَرٍ مُسْلِمٌ سَرَّةَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ
(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: "Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim. Dia tidak boleh menganiaya saudaranya dan tidak boleh pula membiarkan saudaranya teraniaya oleh orang lain. Dan barangsiapa yang membantu (mencukupkan) keperluan atau hajat saudaranya, maka Allah Ta'ala membantunya pula (mencukupkan) keperluan atau hajatnya. Dan barangsiapa yang melapangkan kesulitan seorang Muslim, maka Allah Ta'ala melapangkan kesulitannya kelak di Hari Kiamat. Dan barangsiapa yang menutup aurat (keburukan) orang Muslim, maka Allah menutupi pula keburukannya kelak di Hari Kiamat."

(Hadis riwayat Bukhari)

Jika kita lihat kepada hadis Bukhari di atas, terdapat orang yang akan dilapangkan oleh Allah Ta'ala daripada kesulitan di Akhirat kelak, iaitu siapa yang pada masa di dunia ini melapangkan kesulitan saudaranya yang muslim. Betapa indah dan hebatnya janji Allah ini untuk orang-orang yang melepaskan saudaranya daripada tersebut dalam kesukaran-kesukaran yang dihadapi. Bukankah tersebut jalan untuk sampai ke tanah seseorang itu bermakna kesukaran baginya? Bahkan ia bukanlah kesukaran kecil, malahan kesukaran besar yang menutupi pintu keperluannya. Bayangkan jika itulah sahaja

satu-satunya tanahnya, sedang dia memerlukan untuk berumah di situ, atau untuk berkebun mencari nafkah dan lain-lain, tiba-tiba jalannya tersekut, tertutup dan tidak dapat berbuat apa-apa kerana ketidaaan laluan untuk ke tanahnya itu, jadi betapalah gelap hidup kawan ini. Kalau berat kita memandang berat lagi yang merasakannya.

Tetapi mari bayangkan pula, dalam keadaan jalannya tertutup itu dan dia tidak tahu lagi apa yang hendak dibuat, yakni pendeknya habislah sudah harapannya, tiba-tiba si tuan tanah yang menjadi halangan tadi, terbukalah hatinya ingin memberikan laluan kepadanya. Allahu Akbar! Bayangkan betapa akan lapang dada kawan dan betapa riang hatinya?

Inilah namanya melepaskan saudara Muslim daripada kesulitan. Dalam perkara ini, Allah telah berjanji, bahawa sesiapa jua yang berbuat demikian itu, Allah akan melepaskannya daripada kesulitannya di Akhirat. Apakah kita tidak teringin untuk menerima ganjaran serupa ini pada hari yang tiada sebarang penolong melainkan amal-amal kebajikan kita jua?

منْ كَانَ سَهْلًا هُنَّا وَلَيْتَنَا حَرَقَةُ اللَّهِ عَلَى النَّارِ

(رواه الحاكم وابن حماد)

Maksudnya: "Barangsiapa yang mudah, tidak menyusahkan dan ramah, Allah haramkan dirinya daripada api neraka."

(Hadis riwayat Hakim dan Baihaqi)

Apabila pemilik tanah enggan memberi kebenaran tanahnya untuk memberi jalan laluan kepada tanah atau tanah-tanah jirannya yang tersekut itu, sama ada enggan tidak mahu tukar ganti tanah, jual beli, wakaf atau lain-lain, dan jika semua cara penyelesaian tidak mendatangkan faedah dan berkesan, maka pemilik tanah yang sedemikian telah menyusahkan saudaranya, maka kita khuatir dia akan termasuk orang-orang yang diancam dan dikecam oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaifi wasallam* dengan sabdanya:

تَعْلُوْنَ مِنْ ضَارَّ مُؤْمِنًا أَوْ مُكَبِّرًا

(رواية الترمذ)

Maksudnya: "Dilaknat orang yang memudarakan (membahayakan) Muslim atau yang menipunya."

(Hadis riwayat Tirmidzi)

Menolong atau mempermudahkan urusan orang-orang Islam akan memperolehi ganjaran pahala, sebaliknya menyusahkan atau menyakiti itu membawa implikasi yang jauh sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaifi wasallam*:

مِنْ أَذَى مُسْلِمًا فَقَدْ أَذَانِي وَمِنْ أَذَانِي فَقَدْ أَذَى اللَّهَ

(رواية الطبراني)

Maksudnya: "Barangsiapa menyakiti orang Islam, sesungguhnya dia telah menyakiti aku, dan barangsiapa menyakiti aku dia telah menyakiti Allah."

(Hadis riwayat Thabarani)

Memberi laluan kepada jalan tersebut bererti juga memudahkan, sedang memudahkan itu ada ganjarannya yang istimewa daripada Allah.

Memanglah agama Islam itu menghormati hak milik individu, tidak sesiapapun boleh mengambil atau merampas hak seseorang tanpa izinya. Namun, di samping itu Islam juga membuka pintu yang seluas-luasnya untuk pemeluk-pemeluknya mendapat ganjaran lumayan daripada amal jariannya melalui harta-hartanya itu. Di bawah ini kita sebutkan beberapa dalil tentang hak milik individu itu, firman Allah:

يَتَأْلِفُ الْأَيْلَنْ بِهَنْتَرْنَا لَا تَأْكُلُ أَنْتُكُمْ بَشْكُمْ بَالْكِلْرُ إِلَّا أَنْ تَكْرُونَ بِهَنْزَرْنَا^١
عَنْ رَأْصِنْ تَكْمُكْ^٢

(سورة النساء : ٤٩)

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu."

(Surah an-Nisâ', 29)

Sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaifi wasallam*:

كُلُّ الْسُّنْنِمَ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ ذَمَّةٌ وَمَالَهُ وَعِرْضَةٌ

(مسند)

Maksudnya: "Setiap Muslim ke atas Muslim yang lain haram baginya menumpahkan darahnya, mengambil hartanya dan mencabul kehormatannya."

(Hadis riwayat Muslim)

Sabda Baginda lagi dalam khutbahnya pada hajinya yang penghabisan:

فَلَمْ يَمْكُمْ وَالْمُؤْمِنُ وَالْكُفَّارُ أَنْتُكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحْرَمَةٌ يُوْمَكُمْ هَذَا فِي
خَفْرِكُمْ هَذَا فِي تَلَكُمْ هَذَا

(مسند)

Maksudnya: "Sesungguhnya darah kamu dan harta benda kamu dan kehormatan kamu haram atas kamu seperti haramnya hari kamu ini, pada bulan kamu ini, pada negeri kamu ini."

(Hadis riwayat Muslim)

Asas mengambil harta seorang Muslim itu ialah berdasarkan kerelaan hatinya, sabda Baginda:

لَا يَنْهِي مَنْ اتَّرَى إِلَّا يُتَبَّعُ نَفْسُهُ

(رواية ابن حماد)

Maksudnya: "Tidak halal harta seorang melainkan dengan kesukaan hatinya sendiri."

(Hadis riwayat Ahmad)

Berdasarkan ayat dan hadis-hadis di atas adalah haram menceroboh ke atas milik perseorangan selama pemilikan itu sah di sisi syara' kerana Rasulullah *Sallallahu 'alaifi wasallam* pernah bersabda:

مِنْ طَلْمَمْ مِنَ الْأَرْضِ شَنْتَنْ طَرْقَفَةَ مِنْ سَبْعِ أَرْضِينَ

(رواية الحارث)

Maksudnya: "Sesiapa mengambil sesuatu daripada tanah secara zalim, dikalungkan kepadanya daripada tujuh lapis bumi."

(Hadis riwayat Bukhari)

Apabila persoalan untuk mendapatkan laluan itu tidak berjaya di peringkat pemilik-pemilik tanah yang berkaitan, biasanya perkara itu akan diangkat atau diminta penyelesaiannya melalui jabatan yang berkaitan dengan tanah (Jabatan Tanah).

Jabatan Tanah tentunya akan melihat beberapa sudut tertentu seperti penyerahan tanah yang dikehendaki sebagai laluan itu secara sukarela, jual beli, tukar ganti atau lain-lain yang munasabah. Jika semuanya ini gagal, maka Jabatan Tanah akan memikirkan kepentingan-kepentingan awam atau kepentingan orang ramai.

Kaedah-kaedah fiqh berikut ini boleh menjadi asas dalam membuat pertimbangan dalam perkara ini.

يُتَحَمَّلُ الضَّرُرُ الْخَاصُ لِمَنْ يُمْنَعُ الضَّرَرُ الْعَامِ

Ertinya: "Ditanggung kemudarat khas untuk menolak kemudarat yang umum."

الْمُتَعَدِّى أَفْضَلُ مِنَ الْقَاصِرِ

Ertinya: "Tindakan yang merangkumi kepentingan orang ramai lebih utama daripada yang hanya terhad untuk kepentingan sendiri."

Berdasarkan kaedah-kaedah fiqh di atas, mana-mana rintangan yang didatangkan oleh maslahat peribadi atau kumpulan yang kecil yang menghalang tercapainya kepentingan atau maslahat orang ramai (umum), hendaklah diketepikan maslahat peribadi atau kumpulan yang kecil itu.

Bahkan negara berhak turut campur dalam perkara pemilikan khas yang dibenarkan untuk melaksanakan keadilan dan maslahat umum, sama ada asalnya milik perseorangan, atau negara boleh juga menghalang yang harus dan menghalang pemilikan yang harus itu sekiranya penggunaannya itu mendarat kepada umum.

Oleh itu menjadi hak pemerintah yang adil untuk mewajibkan batas-batas pemilikan itu dalam hal menghidup (mengusahakan) tanah terbiasa (اجْرَاءِ الْمَوَاتِ), menetapkan pemilikan tanah dengan keluasan tertentu, atau mengambil tanah itu semula daripada tuan-tuan tanah dengan membayar ganti rugi yang adil, jika laju pengambilan tanah itu bertujuan untuk kepentingan umum orang-orang Islam.

Menurut ketetapan ulama-ulama Fiqh

bahwasanya pemerintah boleh menamatkan tempoh keharusan pemilikan tanah dengan mengeluarkan perintah larangan jika ada maslahat menghendaki sedemikian.

Hendaklah perintah menamatkan tempoh keharusan pemilikan tanah itu jangan melampaui batas dalam perkara yang dilarang. Sesungguhnya mentaati pemerintah adalah wajib sebagaimana firman Allah:

بِتَائِلِهِ الْدِينِ كَانُوا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا كُرُسُونَ وَأَوْيَ آتَاهُمْ بِنَكْمَةٍ
سُورَةُ النَّاسِ : ٥٤

Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'uli al-amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu."

(Surah an-Nisâ : 59)

Ibn Qayyim al-Jauziyyah menyebutkan dalam kitabnya, At-Thuruq al-Hukmiyyah tentang campur tangan pemerintah dalam perkara pemilikan:

وَرَوَى أَبُو حَصْيَرُ أَنَّهُ يَا شَادِيَ عَنْ مُحَمَّدٍ قَالَ كُلُّ لِسْنَةٍ
فِي حُدُودِ حُرْجٍ فِي حَدِيثٍ وَحْلٍ مِنَ الْأَصْنَافِ، وَكُلُّ دَهْنٍ عَنْهُ وَلَثَّةٌ
فِي قَوْبَةٍ، فَتَكَبَّلَ ذَلِكُ الْأَخْدَرُ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
قَالَ لَهُ يَعْنَى، قَالَ: مَاقْفَةٌ، قَالَ: هَذِهِ وَلَكَ تَهْبَطُ
فِي الْحَنَّةِ، قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنْتَ
مُضَارٌ، اغْفِلْ فَاقْلَعْ حَنَّةً.

Maksudnya: "Diriwayatkan oleh Abu Hafsh lagi dengan isnâdnya daripada Muhammad (Al-Baqir) bin Ali (Zainal 'Abidin) katanya: "Adalah bagi Samurah bin Jundub ada sebatang pokok kurma masuk di kebun seorang lelaki daripada golongan Anshar. Lelaki itu dan keluarganya sekutu masuk ke kebunnya itu, maka pokok kurma itu telah menyakiti atau mengganggu mereka. Maka lelaki golongan al-Anshar itu mengadu kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu Baginda bersabda kepadanya (Samurah pemilik kebun). "Jualkan (pokok kurma itu) kepadanya (lelaki al-Anshar)." Dia enggan. Sabda Baginda: "Maka potonglah pokok kurma itu." Dia enggan juga. Sabda Baginda lagi: "Hadiahkan pokok kurma itu dan bagimu seumpamanya di syurga." Dia enggan juga. Maka sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam kepada Samurah. "Kamu ini memudaratkan (membahayakan)". Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda memerintahkan kepada lelaki al-Anshar. "Pergi dan potonglah pokok kurma itu."

Cerita di atas adalah bersumber daripada hadis riwayat Abu Daud. Berdasarkan peristiwa ini, ia menunjukkan bahawa Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam pernah bertegas atas milik perseorangan yang boleh mendatangkan penganiayaan atau kesusahan kepada orang ramai.

Contoh lain sebagaimana riwayat Al-Imam Malik dalam Al-Muwaththâ:

عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى الْمَازِنِيِّ، عَنْ أَبِيهِ: أَنَّ الصَّاحِبَاتِ مِنْ حَلِيفَةَ،
سَقَقَ حَلِيفَاتِهَا مِنْ الْمُرْتَضِيِّ، فَإِذَا دَأَدَرَ بِهِ فِي أَرْضِ مُحَمَّدَ نَبِيِّ
شَّرْتَنَةَ، فَأَنِي مُحَمَّدَ، فَقَالَ لَهُ الصَّاحِبُ: يَمِنْ تَكْبِيْسِيِّ؟ وَفَرَّ لَهُ
مُنْقَعَةً تَرْبَيْبَ يَوْمًا وَآخِرًا، وَلَا يَمْرِكَ، فَأَنِي مُحَمَّدَ، فَكَلَمَ فِي
الصَّاحِلَاتِ شَرْتَنَةِ الْمُحَاطَبِ، لَذِكْرِهِ مِنْ الْمُحَاطَبِ مُحَمَّدَ نَبِيِّ
شَّرْتَنَةَ، أَنِي مُحَمَّدَ سَيِّدَهُ، فَقَالَ عَمْرِو: لَا، فَقَالَ عَمْرِو: يَمِنْ تَمَعِيْعَ أَسْدَهَا
يَمْنَقَةً، وَمُؤْكَلَ تَمَاعِيْعَ تَكْبِيْسِيِّ يَوْمًا وَآخِرًا، وَفَرَّ لَهُ لَا يَمْرِكَ، فَقَالَ
عَمْرِو: أَنِي دَأَدَرَ بِهِ فَقَعَنَ الصَّاحِلَاتِ.

(رواء مالك)

Maksudnya: "Bersumber daripada Amr bin Yahya al-Mazini, daripada ayahnya, "Sesungguhnya ad-Dhahhak bin Khalifah ingin mengalirkan air ladang miliknya dan itu harus melewati tanah Muhammad bin Maslamah. Oleh kerana Muhammad tidak mahu, ad-Dhahhak bertanya kepadanya: "Mengapa kamu menghalangiku? Sesungguhnya kamu juga akan beroleh manfaat. Dengan itu kamu boleh minum terus-terusan. Lagi pula tidak merugikan kamu." Akan tetapi si Muhammad tetap saja tidak mahu. ad-Dhahhak lalu melaporkan kejadian itu kepada 'Umar bin al-Khatthab, maka beliau lalu memanggil Muhammad bin Maslamah dan memerintahkan supaya dia memenuhi keinginan ad-Dhahhak. Namun tetap Muhammad menjawab: "Tidak." 'Umar bin al-Khatthab berkata. "Mengapa kamu halangi kepentingan saudaramu, sedangkan kamu juga akan mendapatkan faedah (keuntungan)? Kamu akan minum denganannya terus-terusan dan itu juga tidak membuatmu rugi." Tetapi si Muhammad tetap menjawab: "Tidak." 'Umar lalu berkata. "Demi Allah, dia akan alirkan juga walaupun akan melewati (melintasi) perutmu." Maka 'Umar pun memerintahkan untuk mengalirkan, lalu ad-Dhahhak pun melakukannya."

(Hadis riwayat Malik)

Kemudarat itu wajib dicegah berdasarkan batas-batas yang telah dipandu oleh syara'.

Asas atau sandaran menghilangkan mudarat itu ialah berdasarkan kaedah fiqh:

الضررُ يُزالُ

Ertinya: "Dharar (mudarat) itu dihilangkan (dihindarkan)."

Kaedah fiqh di atas berasal daripada sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

لَا ضَرُرُ وَلَا ضَرَرٌ

Maksudnya: "Tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan."

(Hadis dikeluarkan oleh Malik dalam Muwaththa daripada 'Amr bin Yahya daripada bapanya secara mursal. Hakim mengeluarkan hadis ini dalam kitab al-

Mustadrak, al-Baihaqi dan ad-Daraquthni mengeluarkannya daripada hadis Abu Sa'id al-Khudri, Ibnu Majah mengeluarkannya daripada hadis Ibnu 'Abbas dan 'Ubâdah bin al-Shamit). (Al-Imam as-Suyuthi: al-Asybâh wa an-Nazhâ'ir h. 83).

Kaedah ini memberi maklumat hukum, bahawa sesiapa atau mana-mana orang yang membina sesuatu di tengah jalan raya menyebabkan terhalang atau terganggu lalu la lang atau dahai pokok kayu menjuntai atau masuk ke dalam kawasan milik orang lain yang boleh mendatangkan bahaya kepadanya, maka hendaklah disuruh runtuhkan binaan di tengah jalan raya itu dan memotong dahai atau pokok yang mendatangkan bahaya itu.

Berdasarkan kaedah ini juga, adalah haram ke atas seseorang memudaratkan seseorang yang lain sama ada diri (jiwa) atau harta orang itu kerana memudaratkan itu suatu kezaliman. Kezaliman diharamkan oleh syara', bahkan oleh seluruh perundangan.

Maka dalam menangani kes memohon laluan jalan ini, perundingan-perundingan di antara pihak-pihak yang terlibat dan berkaitan perlulah diaturkan supaya ada sifat tolak ansur, menawarkan kemungkinan tanah ganti dengan tanah, jual beli, pemilik tanah mewakaf atau menghadiahkan tanah yang dimaksudkan sebagai laluan itu atau apa ju cara yang difikirkan munasabah dan adil bagi semua pihak yang terlibat.

Jika pemilik tanah tetap enggan atau tidak mahu memberikan laluan tanpa sebab-sebab yang wajar, sekalipun setelah usaha-usaha seperti di atas dibuat, maka kerajaan boleh bertindak dengan adil supaya memaksa pemilik tanah membenarkan tanahnya sebagai laluan dengan syarat tindakannya itu tidak bertentangan dengan prinsip 'kepentingan awam atau maslahat umum' dan tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah:

الضررُاتُ تُبْلِيْغُ الْمُحْكُومَاتِ

Ertinya: "Darurat mengharuskan larangan."

الضررُةُ تُقْدَرُ بِقُدرِهَا

Ertinya: "Tiap-tiap darurat dikira menurut kadarnya."

Lebih-lebih lagi Jabatan Tanah akan mengamalkan kaedah:

تَصْرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنْوَطُ بِالْمُصْلَحَةِ

Ertinya: "Tindakan ketua negara ke atas rakyat terikat dengan maslahat."

Selain hadis-hadis yang telah disebut di atas sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam lagi:

(bersambung ke muka 19)

Buku Penyembelihan Binatang Dan Pengendalian Daging Dilancarkan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pendidikan dan Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, telah menyempurnakan pelancaran buku Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging, pada hari Khamis 07 Safar, 1421 bersamaan 11 Mei, 2000 di Dewan Kuliah Utama, Universiti Brunei Darussalam.

Buku tersebut adalah himpunan fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dari tahun 1962 - 1999. Sebanyak 70 buah fatwa mengenai penyembelihan binatang, pengendalian daging, urusniaga daging, restoran dan yang berkaitan dimuatkan dalam buku itu.

Penerbitan buku tersebut telah diusahakan bersama oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan Mulaut Abattoir Sendirian Berhad melalui perjanjian persepakatan yang dimeterai



Awang Ahmad Bukhari bin PSRK Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, selaku Pengurus Bersama Majlis ketika berucap di majlis berkenan.

oleh kedua pihak. Dalam perjanjian itu Jabatan Mufti Kerajaan mengihsankan bahan kandungan, manakala Mulaut Abattoir Sendirian Berhad mengusahakan pencetakan dan pengedarannya.

Di majlis itu, Pengurus Lembaga Pengarah Penerangan Diraja Brunei dan anak-anak syarikatnya, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab, turut memberi ucapan

603 BUAH • BUKU DIWAKAFKAN

Sebanyak 603 buah buku Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging diwakafkan oleh 2 orang hamba Allah.

Dari jumlah itu sebanyak 303 naskah diwakafkan untuk perpustakaan masjid, surau dan balai ibadat, 200 naskah untuk perpustakaan institusi pengajian di bawah Kementerian Pendidikan, dan 100 naskah untuk perpustakaan institusi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di majlis pelancaran buku tersebut sumbangan wakaf diterima oleh Awang Haji Rajid bin Haji Abd Kadir, Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Datin Hajah Mariam binti Pengiran Haji Metarsad, Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Awang Haji Kassim bin Haji Lamat, Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

MERINGANKAN PERKARA • MAKANAN HALAL • *Salah & Berdosa*

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Menteri Pendidikan dan juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan mengingatkan umat Islam tentang perbuatan meringankan perkara makanan halal bagi umat Islam adalah salah dan berdosa.

Menurut Yang Berhormat, perkara makanan halal bukanlah perkara kecil, ia adalah perkara besar dan tidak boleh diambil ringan. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan supaya umat Islam memakan makanan yang halal, maka perintah itu mesti dipatuhi.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat, di majlis Pelancaran Buku Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging.

Yang Berhormat juga menyeru umat Islam supaya memastikan tempat mereka

makan sebagai benar-benar kepunyaan orang Islam dan diurus oleh orang Islam. Jika tidak, tempat makan itu bukan tempat untuk orang Islam.

Mengenai langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya daging yang dimakan oleh orang Islam di negara ini adalah halal, Yang Berhormat menjelaskan, kita menghendaki daging import memenuhi kehendak syara semasa penyembelihan dan juga dari segi prosedur penyaksian di samping proses ianya dibungkus hingga sampai ke tangan pengimport.

"Kita mesti meyakini bahawa amalan dan 'jalan' yang kita ambil itu adalah betul, jalan 'ubudiah' yang berkait langsung dengan keruhanian. Setiap orang, setiap pihak mesti mengambil 'jalan yakin' ini dan tidak ada ruang berdalih".

Menyentuh dalam masa jangka panjang, Yang Berhormat berharap kita seharusnya menuju ke arah menjadikan apa jua yang ada di negara ini semuanya halal.

الحمد لله رب العالمين، وَبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ سَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عَلَى حَقِيقَةِ، وَعَلَى سَلَطُونِ الْبَيْتِينَ، وَعَلَى اللَّهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ يَعْثِلُ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ.

Sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dan Mulaut Abattoir Sdn.Bhd kerana mengundang saya ke majlis ini sebagai tetamu kehormat untuk melancarkan buku Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging.

Saya memuji susunan langkah Jabatan Mufti Kerajaan di dalam agendanya untuk menyebarkan fatwa Mufti Kerajaan supaya ketetapan-ketetapan hukum mengenai isu dan persoalan di dalam kehidupan umat Islam, khas dan am sampai kepada mereka. Saya juga menyanjung tinggi pihak Mulaut Abattoir kerana tampil mendukung agenda yang mulia itu. Langkah sedemikian sudah tentu mencerminkan sikap positif syarikat tersebut terhadap perkara makanan halal umat Islam. Buku himpunan fatwa mengenai penyembelihan binatang dan pengendalian daging yang akan kita lancarkan di majlis ini adalah satu contoh betapa fatwa-fatwa itu perlu diketahui oleh umat Islam kerana di dalam contoh ini umat Islam akan terpandu supaya tidak termakan atau terbuat yang haram yang tidak menepati kehendak syarak. Saya percaya 70 fatwa sejak tahun 1962 hingga tahun 1999 yang ada di dalam buku itu akan dapat menjadi rujukan dan panduan yang sangat berfaedah untuk kesempurnaan makanan dan amalan yang berkait dengan daging.

Perkara makanan halal bukanlah perkara kecil dan bukanlah perkara baru. Sebenarnya sudah 1400 tahun dahulu cuma kadangkala kita alpa. Ini adalah perkara yang besar dan tidak boleh sekali-kali diambil ringan. Allah Ta'ala memerintahkan supaya umat Islam memakan makanan yang halal. Maka perintah itu mesti dipatuhi. Bukan saja kita dilarang memakan makanan yang haram malah berkonspirasi 'meibunkan' atau mengecil-kecilkan dalam perkara makan haram juga adalah dilarang. Negara Brunei Darussalam melalui pihak berkuasa menetapkan hukum dan pihak berkuasa mentadbir ketetapan hukum itu mengambil "jalan yakin" supaya daging yang dimakan oleh orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam adalah halal. Kita menghendaki daging import memenuhi kehendak syarak semasa penyembelihan,



**Teks Ucapan Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila Wijaya
Dato Seri Setia Haji Awang Abd Aziz
bin Begawan Pehin Udana Khatib
Dato Seri Paduka Haji Awang Umar
Di Majlis Pelancaran Buku
Penyembelihan Binatang Dan
Pengendalian Daging**

dan juga dari segi prosedur penyaksian di sepanjang proses ianya dibungkus, dimasukkan ke dalam kontainer dan dikirim hingga sampai ke tangan pengimport tidaklah boleh dikatakan sebagai syarat yang ketat kerana hanya dengan demikian itu saja, keyakinan dapat diwujudkan. Di peringkat penggunaan akhir, kita juga mengambil "jalan yakin". Umat Islam hendaklah mempastikan bahkan ideal tempat mereka makan sebagai benar-benar kepunyaan orang Islam, dan diurus oleh orang Islam. Jika tidak, maka tempat makan itu bukan tempat untuk orang Islam.

Kita mesti menyakini bahawa amalan dan "jalan" yang kita ambil itu adalah betul, jalan *ubudiah* yang berkait langsung dengan ketuhanan. Setiap orang, setiap pihak mesti mengambil "jalan yakin" ini dan tidak ada ruang berdalih. Perbuatan meringankan perkara makan halal umat Islam adalah salah dan berdosa.

Kita tidak perlu ragu dengan kaedah "jalan yakin" yang kita anuti itu. Jangan takut dengan andaian-andaian negatif pihak-pihak yang tidak mengingininya. Kita pilih "jalan yakin" itu adalah untuk menjaga kesempurnaan makanan umat Islam dan ibadat mereka. Ia adalah perintah Allah Ta'ala. Perintah agama Islam. Kita mesti percaya bahawa Islam itu adalah "road" dan bukannya "road-block".

Para hadirin yang saya hormati sekalian, kita berharap dalam jangka panjang, dan

mudah-mudahan tidak begitu panjang dan mudah-mudahan dapat kita singkatkan, apa jua yang ada di dalam negara ini, yang meliputi bukan sahaja makanan, ayam, daging dan seumpamanya bahkan seluruh jenis makanan seperti roti, roti paun, alat-alat seperti berus gigi, gula-gula dan lain-lain Insya Allah akan dapat dikawal dan diwujudkan sebagai perkara-perkara yang halal, yang pada akhirnya menjadikan apa jua yang ada di negara ini adalah halal kesemuanya. Bayangkanlah masyarakat Negara Brunei Darussalam akan dapat Insya Allah menikmati segala-galanya dari sejak kita bangun tidur hingga kita tidur semula, semuanya dalam lingkungan suasana halal menurut yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Tentulah keberkataan akan dikurniakan bukan sahaja untuk kita pada masa ini bahkan untuk generasi-generasi kita yang akan datang. Jika kita menjaga hukum Allah, Insya Allah kehidupan kita akan dijamin oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Satu dua contoh sedikit pengalaman apabila Brunei Investment Authority pada awal tahun ini telah mengganti daging babi dengan daging halal di Royal Plaza Hotel di Singapura, dalam satu makanan Itali sebagai 'sapak'. Bukan satu bulan, bukan dua minggu, tetapi minggu pertama jualan itu telah melambung tinggi. "*Subhanallah*" kata orang Itali itu. Kalau saya tahu begini, sudah awal saya buangkan daging yang tidak halal ini.

Saya masih ingat, sebelum kita mencapai semula kemerdekaan. Apabila Royal Brunei Airlines 'malapih' arak, 'for the first time', pertama kali, RBA telah mendapat untung, walaupun sedikit. Jadi sudah nampak, kalau kita menjaga hukum Allah, Allah akan mengurniakan apa yang kita kehendaki.

Dalam suasana dunia pada masa ini, sejarah dengan usaha-usaha yang kita jalankan dalam apa jua aspek kehidupan sekalipun sama ada di dalam atau di luar negeri, kita memerlukan panduan. Panduan apa? Kalau kita berpegang kepada manusia, manusia boleh berubah. Kita berpegang kepada kayu, kayu pandai patah, kita berpegang kepada besi, besi boleh 'batagar'. Jadi ke mana kita berpegang? Dan apa panduan kita? Tidak lain tidak bukan ialah panduan yang ditentukan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk umatnya yang mukmin. Itulah dia "road" dan bukannya "road-block".

Dan dengan panduan Allah *Subhanahu*

(bersambung ke muka 15)

JAMAAH ISLAH MALAYSIA (JIM) melawat JABATAN MUFTI KERAJAAN



Mufti Kerajaan menyampaikan cenderamata kepada Ketua Rombongan Prof. Madya Dr. Haji Mohammed Hatta Haji Shahrom, Presiden Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia.

Serombongan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia cawangan Sabah telah mengadakan lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada hari Sabtu 23 Safar, 1421 bersamaan 27 Mei, 2000.

Rombongan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Haji Mohamed Hatta Haji Shahrom, Presiden Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia (JIM), mengadakan perjumpaan dengan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan dan Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, di bangunan baru yang terletak di

berlangsung di rumah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin itu diselajurkan dengan majlis makan malam.

Terdahulu dari itu rombongan Jamaah Islah Malaysia (JIM) telah melawat Jabatan Mufti Kerajaan. Rombongan dialu-alukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan dan Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, di bangunan baru yang terletak di

Jalan Pengiran Babu Raja.

Rombongan telah diberikan taklimat mengenai Jabatan Mufti Kerajaan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Pegawai Perhubungan Awam, sebelum dibawa melawat bangunan baru.

Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) adalah sebuah Pertubuhan Islam yang ditubuhkan untuk mendukung cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dan ia yakin boleh menyumbang untuk Islam dan pembangunan masyarakat.



Sebahagian rombongan pelawat bergambar ramai bersama Timbalan Mufti Kerajaan dan Pegawai-Pegawai Jabatan Mufti Kerajaan semasa melawat bangunan baru Jabatan berkenaan.

HALAQAH: ROKOK BOLEH MEMBUNUH?

Benarkah tembakau boleh membunuh? Menurut perangkaan sebanyak 3.5 juta kematian setiap tahun atau kira-kira 10,000 kematian setiap hari disebabkan tembakau. Menjelang tahun 2030 seorang daripada 6 orang atau 10 juta setiap tahun mati akibat tembakau.

Tahukah kita, tembakau yang ada pada rokok mengandungi *nicotine*, iaitu suatu bahan yang menyebabkan penyakit ketagihan. *Nicotine* ini mempunyai kesan ke atas 'dopamine reward system', serupa dengan kesan yang diakibatkan oleh heroin dan syabu.

Perkara ini didedahkan oleh Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan (sekarang Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan) dalam satu majlis halaqah mengenai rokok yang diadakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Halaqah tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan berkenaan pada hari Sabtu 16 Safar, 1421 bersamaan 20 Mei, 2000, dan dihadiri oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran dan Pegawai-Pegawai Ilmu,



Halaqah seumpama ini dapat membantu memperolehi maklumat terperinci mengenai sesuatu bidang ilmu.

Halaqah ini adalah sebahagian daripada program majlis ilmu Jabatan Mufti Kerajaan, dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai sesuatu bidang ilmu, khasnya yang berkaitan dengan perkara-perkara baru dan saintifik yang memerlukan keahlian atau kepakaran khusus. Ini

bertepatan dengan prosedur kerja Jabatan Mufti Kerajaan, di mana Mufti boleh menghendaki supaya dibuat sesuatu kajian mengenai sesuatu bidang tertentu sebelum fatwa dikeluarkan.

Walaupun begitu, Mufti tidaklah akan dipengaruhi oleh sebarang pendapat, melainkan ia hanyalah untuk membantu memberikan maklumat kiranya ia ada berkenaan.

Women in

FUNERAL RITES & GRAVE VISITS (Part One)

In previous issues, we have discussed the position of women and their rights in Islam. Islam has placed women in a befitting and honourable position as compared to the other religions and races of the world, as the Muslim women have their own rights in all aspects of life without any exception.

In this issue, we will discuss some issues on the position of Muslim women in participating in funeral rites, visiting graves and praying near the grave of the deceased.

According to the *ijmā'* (consensus) of Shafi'iyyah scholars, the rule on *jenazah* (funeral) prayer is that it is a *fardh al-kifayah* (collective obligation).

It is not a condition that it be done as a congregational prayer like the Jum'aat prayer. This means that it is sufficient to perform a funeral prayer alone. That is the opinion agreed upon by Al-Jarjani, Al-Ruyani, Al-Rafi'e and others. However, performing funeral prayer in a congregation is preferable.

Participation of Women In Funeral Prayer

It is permissible for women to participate in performing funeral prayers. However, there was a dispute among scholars of Al-Shafi'iyyah regarding the funeral prayer that is performed only by women in the presence of men. According to the most valid opinion (*asah*), the obligation of *fardh al-kifayah* has not been met. This means that some of the men who are present together with the women must also perform the prayer. Otherwise, the obligation is still not met and all Muslims who live in the village or at that place will bear the burden of sin.

It is different if there are only women present at the place of death. In such a situation, it is obligatory for women to perform the funeral prayer and by doing that, the obligation of *fardh al-kifayah* in performing the funeral prayer, is met. They can perform it individually. It is not forbidden if the funeral prayer is done in a congregation, even though it is not *sunnah* (preferable), unlike for men.

If those present at the funeral are both men and women, the obligation of *fardh al-kifayah* is specifically for men only. Women are not included in this obligation.

Ruling on Visiting Muslim Graves

The ruling on visiting Muslim graves is *sunnah* (preferable) for Muslim men. Initially the ruling on visiting graves was that it was forbidden.

Then, the prohibition was abrogated as mentioned in the tradition of Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

كُنْتُ مَحْرُمًا عَنِ زِيَارَةِ الْقَبْوُرِ فَسَرَّدَ رَبِّي
فَرَدَّهُ أَبَدَ وَسَرَّهُ

Meaning: "I had prohibited you before from visiting graves, now you can do so."

(Hadith narrated by Ahmad and Nasa'i)

According to Al-Sheikh Muhammad Al-Khatib Al-Sharbini in his book *Mughni Al-Muhtaj*, the abrogated prohibition in the above tradition is for men only. It does not include women.

Ruling on Visiting Graves For Women

Scholars of Al-Shafi'iyyah has disputed over the ruling on visiting graves for women. However, according to the opinion of the *jumhūr* (majority) of scholars, the ruling on visiting graves for women is *makruh* (reprehensible) since women are impatient and sensitive and there is a concern that it would lead to extreme grief in which she will cry and moan at the grave of the deceased.

The *dalil* (evidence) clarifying that it is not *haram* (forbidden) for a woman to visit graves is mentioned in a hadith:

عَنْ أَنَّسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَ مَنْ يَشَاءُ مِنَ النِّسَاءِ أَنْ يَزُورُ قَبْوُرَهُ وَلَا تَقُولُوا مُخْرَجًا
وَمَنْ لَكُنْتُ هَذَا إِلَيْهِ مُنْتَهٍ وَأَنْتَ مُنْتَهٌ

Meaning: "From Anas bin Malik Radhiyallahu 'anhu who has said: "The Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam walks pass a woman who was crying at a grave, he (the Prophet) then said: "Fear Allah and be patient.""

(Agreed upon)

Based on the hadith mentioned above, it is understood that visiting graves for women is not *haram* (forbidden) because, if it is so, the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam would have disallowed or prevented women from doing so.

Moaning And Extreme Grief During Grave Visits

According to some scholars, if the visit to the grave will lead a woman into heartfelt grief and moaning for the dead, then it is *haram* for her to visit the grave. This ruling is based on a hadith of the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam:

عَنْ أَبِي حُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّمَا زَفَرَتْ
نَفْرَةً
أَنْ يَرْجِعَنَّ إِلَيْهِ مَنْ يَرْجِعُ

Meaning: "From Abu Hurairah Radhiyallahu

'anhu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam cursed women who visit graves."

(Hadith narrated by Ibnu Majah and Tirmidzi).

If the purpose of the visit is to take a lesson, to be reminded of death, of purgatory and the Hereafter, without being accompanied with moaning and extreme grief, then in such a case, it is *makruh* (reprehensible) for women to visit graves.

Imam Al-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* has said in his book *Al-Majmu'* Sharah Al-Muhadzab, that this opinion is the best.

Therefore, it can be concluded here that it is *makruh* for a woman to visit a grave even though she can maintain proper conduct, guard herself against extreme grief and safe from any temptation, be it from the surrounding or during the visit.

Rules Governing Women Visiting Grave

Among the list of proper conduct that has to be maintained by a woman during a visit to the grave are:

- She should be accompanied by her husband or her *mahram* (a kin with whom marriage is prohibited).
- She is in a condition whereby her *aurah* (body parts that should not be exposed) is fully covered as per Islamic guidelines.
- The visit is not done regularly.
- She does not indulge in vain discourse as also prohibited for men because the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam has said:

بَلَّغَنَّهُ عَنْ زِيَارَةِ الْقَبْوُرِ فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يَزُورْ فَلْيَزُورْ وَلَا تَقُولُوا مُخْرَجًا
وَمَنْ لَكُنْتُ هَذَا إِلَيْهِ مُنْتَهٍ وَأَنْتَ مُنْتَهٌ

Meaning: "I had prevented you from visiting graves before, however (now) whoever wishes to visit grave may do so, and do not you speak in an obscene language."

(Hadith narrated by Nasa'i)

However, the *makruh* ruling might turn to *haram* if the visit triggers such sadness that it leads her to cry, moan and groan over the deceased. Similarly, it is *haram* for a woman to visit a grave if she does not behave properly during the visit, is not safe from any temptation and so forth.

To be continued...

Keindahan ISLAM Membawa Petunjuk

(Pengalaman Abu Jaafar al-Haddad)

Abu Jaafar al-Haddad merupakan salah seorang wali Allah yang sangat terkenal. Suatu hari beliau mengikuti satu rombongan besar dalam perjalanan dari kota Basrah menuju ke kota Baghdad dengan menaiki sebuah kapal menyusuri sungai Dajlah. Di antara sekian ramai orang yang menyertai rombongan tersebut ada seorang lelaki yang menjadi perhatian Abu Jaafar al-Haddad. Selama di dalam pelayaran, lelaki tersebut tidak pernah makan dan minum dan tidak pernah mengerjakan solat menyebabkan Abu Jaafar tertanya-tanya pada dirinya sendiri dan ingin tahu rahsia di sebalik kelakuan lelaki tersebut. Abu Jaafar al-Haddad segera menghampirinya.

“Assalammualaikum saudara, boleh saya bertanya sedikit?” Sapa Abu Jaafar.

“Boleh, apa salahnya.” Jawab lelaki itu dengan tidak mengendahkan salam Abu Jaafar al-Haddad.

“Mengapa awak tidak pernah mengerjakan solat dan berjemaah dengan kami?” Tanya Abu Jaafar al-Haddad.

“Saya ini bukan orang Islam,” jawab lelaki itu selamba.

“Jadi, engkau beragama apa?” Abu Jaafar al-Haddad mahu kepastian.

“Saya beragama Nasrani,” jawabnya.

Abu Jaafar berpuas hati dengan

jawapan yang diberikan, namun masih ada satu lagi persoalan dalam fikirannya iaitu bagaimanakah lelaki tersebut boleh tahan berhari-hari tidak makan dan tidak minum.

“Saya lihat awak tidak pernah makan dan minum?” Tanya Abu Jaafar.

“Saya bertawakal kepada Tuhan.” Jawabnya pendek.

“Saya juga bertawakal kepada Allah,” kata Abu Jaafar.

Ketika sampai ke suatu destinasi untuk berehat, Abu Jaafar masih lagi asyik berbual dengan lelaki Nasrani itu sehingga tiba waktu makan. Riu rendahlah orang ramai ke sana ke mari mencari dan membuka bekalan masing-masing. Ada yang naik ke darat mencari sesuatu barang keperluan sebelum menyambung pelayaran. Tapi Abu Jaafar dan lelaki Nasrani yang masih lagi berbual-bual itu sudah berazam untuk bertawakal saja, tidak mahu berbuat demikian. Apabila orang ramai melihat kedua-dua mereka ini tidak mempunyai sebarang makanan, mereka pun mengajaknya untuk makan bersama. Tapi Abu Jaafar dan lelaki itu tetap dengan pendirian mereka tidak mahu makan.

“Mari kita keluar dan berjalan di darat sana”, kata Abu Jaafar kepada lelaki Nasrani itu.

“Boleh, tapi dengan syarat...”, kata lelaki Nasrani.

“Apa syaratnya?” Tanya Abu Jaafar.

“Jika kita masuk ke dalam kampung, tuan mesti berjanji yang tuan tidak akan masuk ke dalam masjid, dan begitu juga saya tidak akan masuk ke dalam gereja”, terang lelaki Nasrani itu.

“Ya saya berjanji”, kata Abu Jaafar dengan penuh yakin.

Mereka berjalan merentas tanah yang terbentang luas sehingga senja mereka pun duduk istirehat berhampiran dengan tempat membuang sampah. Tiba-tiba datang seekor anjing hitam, mulutnya menggigit roti dan diletakkannya di hadapan lelaki Nasrani itu. Rupa-rupanya anjing itu hanya menghantar makanan untuk lelaki Nasrani yang bertawakal itu saja. Lelaki Nasrani tadi mengambil roti itu dan dimakannya dengan senang hati tanpa menoleh-noleh lagi kepada Abu Jaafar, apalagi hendak mempelawanya makan bersama. Akhirnya habis roti itu dimakan oleh lelaki Nasrani tersebut.

Setelah itu kedua-duanya meneruskan perjalanan meninjau-ninjau di kawasan perkampungan sehingga talah waktu senja. Apabila kepenatan, mereka berehat lagi. Tiba-tiba datang lagi anjing hitam itu membawa roti di mulutnya dan diletakkannya di hadapan lelaki Nasrani itu lalu dimakannya. Demikianlah yang terjadi setiap hari. Setiap kali si Nasrani mendapatkan makanan yang dihidangkan oleh seekor anjing hitam, dia memakannya sendiri tanpa menoleh dan mempelawa temannya menikmati bersama. Sementara Abu Jaafar sendiri, sibuk dengan mengerjakan solat setiap kali lelaki

Nasrani itu makan.

Pada hari keempat kedua-dua hamba Allah yang sudah saling kenal mengenali itu melalui sebuah perkampungan. Oleh sebab matahari sudah terbenam, mereka berhenti di suatu tempat bagi membolehkan Abu Jaafar al-Haddad mengerjakan solat Maghrib di situ, sedang lelaki Nasrani itu memerhatikan dari jauh. Di dalam hatinya memuji Abu Jaafar al-Haddad rajin menunaikan ibadah sembahyang. Walaupun mengikut perjanjian Abu Jaafar tidak boleh pergi ke masjid, namun dia tetap melakukan sembahyang.

Tiba-tiba datang seorang lelaki membawa sebuah dulang yang berisi makanan dan sebuah kendi berisi air. Dia berdiri di situ sehingga Abu Jaafar selesai solatnya. Setelah mengucapkan salam, orang itu meletakkan dulang yang dibawanya di hadapan Abu Jaafar.

“Sila bawa makanan ini kepada lelaki itu!” Kata Abu Jaafar kepada orang yang membawa dulang sambil menunjuk ke arah lelaki Nasrani tersebut.

Tanpa berkata apa-apa orang itu membawanya kepada lelaki Nasrani

yang berada tidak jauh dari situ, sementara Abu Jaafar masih asyik mengerjakan solat.

Setelah Abu Jaafar selesai solat, lelaki Nasrani itu datang kepadanya dengan membawa dulang tadi.

“Wahai Abu Jaafar! Allah telah memperlihatkan kepadaku bahawa agamamu (agama Islam) adalah lebih baik daripada agamaku”, kata lelaki Nasrani itu.

“Dari mana engkau mengetahui perkara ini?” Tanya Abu Jaafar al-Haddad.

“Buktinya sudah cukup jelas. Ianya berlaku di hadapan mataku ini.” Terang lelaki Nasrani itu lagi.

“Cuba awak terangkan kepada saya apa yang berlaku di hadapanmu itu?” Tanya Abu Jaafar menduga.

“Aku makan rezeki yang dihidangkan oleh seekor anjing, sedangkan aku adalah seorang manusia, berbeza dengan rezekimu dihidangkan oleh manusia. Maka dengan itulah aku tahu bahawa Islam itu adalah agama yang terbaik daripada agamaku”. Kata lelaki Nasrani itu.

“Sekarang apa yang awak mahu?” Sambung Abu Jaafar.

“Tuan! Sekarang juga dengan kerelaan hati saya sendiri, saya akan meninggalkan agama saya dan masuk agama Islam.” Kata lelaki Nasrani itu.

Maka ketika itu juga lelaki Nasrani itu mengucapkan dua kalimah syahadah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ* di hadapan Abu Jaafar al-Haddad. Dia lalu membuang semua tanda-tanda atau lambang-lambang Nasrani yang ada pada dirinya. Abu Jaafar bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* yang telah membuka pintu hati temannya itu untuk menerima Islam.

Semoga Allah memberikan rahmat kepada mereka yang telah mengambil Islam sebagai panduan dan pegangan hidup mereka. Segala puji bagi Allah yang telah menunjukkan kita kepada agama Islam dan dijadikannya kita sebagai umat Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

* Dipetik dari kitab *Raudhar Rayyahin Fi Hikayatus Salihin* karangan Syeikh Imam Abdullah bin As'ad bin Fallah al-Yaffi al-Yamany Asy-Syafei.

(dari muka II)

Wata'ala inilah seharusnya kita sama-sama melangkah ‘beyond’ atau melimpasi sempadan Negara Brunei Darussalam ke dunia globalisasi. Kita bawa panduan itu dan kita yakinkan yang di luar ‘boundry’ kita. Inilah cap dan ‘calak’ yang kita ketengahkan. Saya penuh yakin, sedikitpun tiada ragu cap itu akan dapat difahami bukan saja orang-orang Islam bahkan orang bukan Islam akan ‘appreciate’ ketinggian cap yang kita bawa berpandukan yang ditentukan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* itu.

Yang sedang berlaku pada masa ini. Dalam soal prosedur penyembelihan, kita hantar dua orang wakil ke luar negeri, memerhatikan penyembelihan, dibungkus dan diseal dan sampai ke Brunei tidak ada ragu.

Di antara pusat-pusat penyembelihan di

Malaysia sudah mula yakin dalam hal ini dan mengikut. Kalau kita ke Middle East, ke negara-negara Arab, sehingga ada yang mengajukan, kalau lah Brunei menjadi pusat pengeksport binatang-binatang yang sudah disembelih, kita tidak ragu untuk menerimanya.

Baru kita laksanakan di Brunei, mula-mula ada yang mengatakan rugi. Sekarang Allah *Subhanahu Wata'ala* sudah menunjukkan kepada Negara Brunei Darussalam, kalau mahu market; pasaran terbuka. Bisnis dalam daging halal sahaja, dalam lingkungan kita tidak kurang daripada USD 7 billion setahun. Antara pengeksport yang terbesar ke Middle East pada masa ini ialah Southern Island, Republik Of Ireland. Tapi kalau dengan cap Brunei ini, pihak pengeksport yang bukan negara Islam itu Insya Allah, akan beralih ke negara kita.

Jadi jangan tengok penghantaran 2 orang

pegawai, dan dibayar elau, gaji, tambang dan sebagainya, sebagai suatu kerugian, tapi itu satu ‘investment’. Allah *Subhanahu Wata'ala* akan memberi kita keuntungan. Sekarang pasaran sudah dibuka kepada Negara Brunei Darussalam, cuma tergantung kepada kita untuk mengusahakan dan mengambil kesempatan ini.

Akhirnya saya berdo'a semoga buku Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging yang sebentar lagi akan kita lancarkan ini menjadi pegangan dan rujukan umat Islam dalam usaha kita merealisasikan Islam sebagai “Addeen” atau “The Way Of Life”

Sekian *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi wabarakatuh*.

BILA *Sifat Malu* TIDAK BERFUNGSI

Biasa kita mendengar, lelaki diistilahkan sebagai kumbang dan wanita pula sebagai bunga. Kalau kumbang suka kepada bunga, lelaki tentulah suka kepada wanita. Sejak remaja lagi keinginan lelaki kepada wanita sudah berputik. Lalu wanita menjadi sasaran usikan lelaki, baik di sekolah, di jalan-jalan raya, di pasar raya, di perhentian bas dan bahkan boleh dikatakan di mananya ruang dan peluang. Selagi usikan itu tidak diberi perhatian oleh wanita itu mereka akan terus mencuba dan terus mencuba.

Apa istimewanya wanita sehingga begitu kuat menarik perhatian lelaki? Sememangnya wanita lain daripada lelaki, terdapat banyak kelainannya.

Dalam sebuah hadis, Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

"Terdapat 99 bahagian tarikan pada wanita berbanding lelaki, lalu Allah kurniakan ke atas mereka sifat malu"

(Hadis riwayat Baihaqi)

Wanita, apapun yang dilakukannya akan mendapat perhatian lelaki. Kalau dia buat baik, dikagumi, apabila buat jahat diminati, apabila dia memakai pakaian menutup aurat dilihat menawan, apabila berpakaian seksi dilihat mengoda, dan macam-macam lagi yang menarik perhatian.

Oleh sebab itu Allah *Subhanahu Wata'ala* mengurniakan kepada wanita sifat malu. Dengan sifat malu itu mereka akan berfikir panjang sebelum melakukan sebarang tindakan. Kalau hendak buat jahat dia akan memikirkan kalau-kalau orang nampak, hendak dedahkan aurat dia takut orang mengganggunya, hendak berjalan seorang dia takut ada orang mengusiknya.

Begitulah peranan malu yang boleh membantu dalam tindak tanduk seseorang wanita. Tapi apa halnya kalau tidak tahu malu? Tentulah mereka tidak akan memikirkan semua itu. Pedulikan apa orang kata, pedulikan kalau orang tengok, tak kisah kalau orang menganggu dan mengusik, bahkan mereka rasa senang, seronok dan bahagia bila dalam keadaan begitu.

Dalam sebuah hadis riwayat Bukhari, Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda bermaksud:

"Jika engkau tidak malu, buatlah sesuka hatimu"

Hadis ini merupakan sindiran dalam tegahan. Sifat malu itu adalah pokok akhlak yang mulia dan budi pekerti yang terpuji. Tidak payah diletakkan sifat malu ini di atas neraca syari'at, malah neraca akalpun sudah mengakui sebagai suatu sifat yang perlu ada pada diri manusia.

Barangkali wanita hari ini

kebanyaknya tidak malu atau kurang malu. sebab itu mereka sanggup melakukan apa saja dosa dan maksiat. Atau barangkali jika sifat malu yang dikurniakan Allah itu sudah tidak berfungsi sepenuhnya. Kalau demikian, bererti tiada iman di dada mereka.

Jelasnya, mereka tidak takut kepada Allah, tidak gerun kepada neraka Allah dan tidak cintakan syurga Allah. Mereka langsung tidak takut dengan hukuman yang bakal Allah timpakan ke atas mereka. Ini tandanya mereka tiada iman.

Apabila tidak beriman, maka sifat malu yang sedia ada itu secara automatik akan hilang. Inilah realiti yang tidak boleh dinafikan, buktinya boleh dilihat di mananya. Melalui media cetak, media elektronik dan bahkan di hadapan mata kita sendiri berbagai ragam, kemungkaran berlaku, tidak terkecuali dilakukan oleh wanita.

Sayang, wanita yang sepatutnya lebih istimewa daripada lelaki menjadi serendah-rendahnya hanya disebabkan sifat malunya tidak berfungsi sepenuhnya.

Tapi percayalah, kalau semua wanita boleh mengekalkan sifat malunya, tentulah mereka akan berpakaian sopan, berakhhlak mulia, dan ketika itu mereka akan disegani oleh semua pihak. Dengan ini akan terhindarlah gejala buruk yang menimpa kaum wanita.

IRSYAD:

BAGAIMANA Menyempurnakan NIAT

Terdapat setengah orang yang terlalu susah untuk menyertakan niatnya semasa *takbiratul ihram*, sehingga berulang-ulang kali mengangkat takbir. Kadang-kadang sampai imam ruku dulu barulah dia dapat menyempurnakan niatnya.

Ada pula setengah orang itu seperti orang bermain bunga silat ketika mengangkat *takbiratul ihram*. Perbuatan seperti ini boleh menjelaskan *keshahihan* dan kesempurnaan ibadat sembahyangnya, kiranya sebutan kalimat *takbiratul ihram* iaitu "Allahu Akbar" melebihi daripada harakat yang dibenarkan iaitu tidak melebihi empat belas harakat (tujuh alif). Kemudian, dari segi pergerakan tangannya boleh jadi melebihi had yang dibenarkan iaitu tiga kali pergerakan.

Keadaan seumpama ini berlaku disebabkan oleh penyakit was-was yang berpunca daripada gangguan syaitan. Seseorang akan berasa was-was dengan perbuatan yang dilakukan sama ada sudah sempurna atau belum.

Sebahagian ulama mengatakan, bahawa sunat bagi orang yang terkena was-was pada setiap kali berwudhu', sembahyang dan lain-lain, dia membaca: لَإِلَهَ إِلَّا اللَّهُ sebab syaitan itu apabila mendengar kalimat zikir ini dia akan lari menjauhkan diri. Selain daripada itu kalimat لَإِلَهَ إِلَّا اللَّهُ juga adalah induk segala zikir.

Para ulama juga mengatakan, bahawa ubat yang paling mujarab untuk menghilangkan penyakit was-was ialah dengan memperbanyakkan zikir kepada Allah.

As-Sayyid al-Jalil Ahmad bin Abu al-Hawari berkata: "Aku mengadu kepada Abu Sulaiman ad-Darani tentang was-was yang menimpaku. Lalu dia berkata: "Apabila kamu ingin menghilangkannya daripada dirimu, maka apabila sahaja kamu merasa was-was itu datang, bergembiralah, kerana apabila engkau bergembira was-was itu akan terputus daripadamu. Tidak ada sesuatu yang paling dibenci oleh syaitan daripada kegembiraan orang yang beriman. Jika engkau bersedih hati tentulah was-was itu akan bertambah-tambah lagi menyerang dirimu."

Menurut riwayat yang *shahih* daripada Imam Bukhari dan Imam Muslim ada disebutkan,

bahawa manusia itu sentiasa bertanya-tanya. Dari pertanyaan siapakah yang menjadikan makhluk ini, sampailah kepada: Siapa pula yang menjadikan Allah? Maka barangsiapa menemukan hal semacam itu, hendaklah dia membaca:

أَعْتَدْتُ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ

Maksudnya: "Aku beriman kepada Allah dan rasul-rasulNya."

Al-Ustaz Abu al-Hasan as-Syazali pernah mengajarkan kepada sahabat-sahabatnya amalan yang boleh menangkis atau menolak was-was dan lintasan-lintasan fikiran yang tidak baik, dia mengatakan kepada mereka bahawa barangsiapa yang merasa hal yang seumpama itu, maka letakkanlah tangan kanannya di atas dadanya, sambil mengucapkan:

سَيَخَدُ الْمُبَكِّرُ الْقَنْوُنُ الْحَارِقُ الْعَانِ

Ertinya: "Maha Suci Allah yang Maha Berkuasa, yang Maha Suci daripada kekurangan, yang Maha Menciptakan sekalian makhluk dan yang Maha Melakukan (apa yang dikehendakiNya)."

Dibaca sebanyak tujuh kali. Kemudian dibaca pula:

إِنْ يَشَاءْ نَذِيرٌ كُنْكُنٌ وَيَأْتِي بِعَذَابٍ حَذِيرٌ ۝ وَتَأْكِلُ عَلَى اللَّهِ يَغْزِيرٌ
(Surah Ibrahim: 19 - 20)

Tafsirnya: "Jika Dia kehendaki nescaya dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufturan kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baharu."

(Surah Ibrahim: 19 - 20)

Amalan tersebut bolehlah dilakukan sebelum seseorang itu mengangkat *takbiratul ihram*.

Demikianlah di antara amalan-amalan dan do'a-do'a yang boleh diamalkan ketika diserang perasaan was-was ataupun lintasan-lintasan pemikiran yang tidak baik.

Apabila penyakit was-was sudah hilang, maka dipelajari pula cara menyempurnakan niat ketika *takbiratul ihram*.

Menyebut satu persatu di dalam hati "Sahaja aku sembahyang fardhu Zuhur empat rakaat tunai / qadha' mengikut imam/menjadi imam kerana Allah Ta'alā" tidaklah dituntut untuk menghadirkan niat itu satu persatu ke dalam hati sebagaimana contoh di atas, iaitu bermula dari kalimat 'sahaja aku' sehingga 'kerana Allah Ta'alā'. Yang dituntut hanyalah

D A L A M SEMBAHYANG

qashd (aku sembahyang), *ta'arrudh* (fardhu) dan *ta'yin* (Zhuhur, Ashar dan sebagainya).

Adapun niat imam atau makmum ketika *takbiratul ihram* hanyalah disyaratkan pada sembahyang Jumaat sahaja, tetapi pada sembahyang jemaah selain daripada Jumaat tidaklah disyaratkan, bahkan hanya disunatkan.

Jika seorang makmum tidak berniat mengikut imam ketika *takbiratul ihram* pada sembahyang fardhu selain daripada fardhu Jumaat, dia masih lagi dibolehkan berniat mengikut imam pada mana-mana rukun sembahyang, ketika ruku' umpamanya. Akan tetapi makruh dia berbuat begitu dan dia tidak mendapat pahala berjemaah melainkan setelah dia berniat mengikut imam.

Beginu juga dengan imam yang tidak berniat menjadi imam ketika *takbiratul ihram* atau ketika mengerjakan rukun yang lain, walaupun tidak membatalkan sembahyang tetapi dia tidak beroleh pahala berjemaah.


Manakala niat "Kerana Allah Ta'alā" juga tidak disyaratkan, bahkan hanya disunatkan sahaja. Namun tidak menjadi kesalahan untuk menghadirkan kesemuanya ke dalam hati jika mampu berbuat begitu.

Untuk lebih jelasnya, apabila seseorang hendak mengerjakan sembahyang Zuhur umpamanya, hendaklah dia menumpukan betul-betul dan menghadirkannya dalam hatinya ataupun mengarahkan kemahuannya bahawa dia akan mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur (*qashd*, *ta'arrudh* dan *ta'yin*) sebelum dia mengangkat *takbiratul ihram*. Maka ketika itu sunat menyebut lafadz niatnya dengan lidah, iaitu:

أَصْنَعْ فَرْضَ الظُّفَرِ

Dalam pada itu, dihadirkan ke dalam hatinya atau diarahkan kemahuannya di dalam kalbunya makna lafadz niat yang diucapkannya, iaitu: "Aku sembahyang fardhu Zuhur". Apabila telah hadir di dalam hatinya, maka tatkala itu ucapan dengan lidahnya: "Allahu Akbar", sambil dikekalkan makna lafadz niat itu di dalam hati, dalam jangka jarak mengucapkan: "Allahu Akbar".

Eksspo ISLAM Antarabangsa 2001



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika memberikan amanat di Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa Penerbitan dan Pameran Koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pada 18 Safar 1421 bersamaan 22 Mei 2000.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan Eksspo Islam Antarabangsa I yang akan diadakan pada bulan Ogos 2001.

Ke arah perlaksanaan eksspo tersebut, mesyuarat pertama bagi membincangkannya telah diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di ibu negara pada hari Isnin 12 Muharram, 1421 bersamaan 17 April, 2000.

Kerana sesuatu sebab tertentu maka mesyuarat yang dijadualkan akan dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan, telah dipengerusikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Indung Eksspo. Mesyuarat membincangkan arah tuju, polisi dan konsep pengurusan dan perjalanan eksspo.

Antara objektif eksspo ialah untuk menonjolkan kepimpinan raja dan kemajuan pentadbiran agama di zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada umat Islam khasnya dan para pengunjung amnya mengenai sesuatu aspek daripada keagungan Islam dan menjana kegiatan yang menghasilkan faedah ilmu dan kemahiran kepada penduduk, terutamanya umat Islam, di dalam negeri, serantau dan di luar rantau ini.

Selain itu eksspo berkenaan juga adalah sebagai sumbangan kepada program Tahun Melawat Brunei tahun 2001 dan dihasrat-

kan untuk menyumbang kepada program negara mempelbagaikan sumber ekonomi, berupa pelancongan ilmu dan penjanaan aktiviti perniagaan serta perdagangan dalam perkara ilmu pengetahuan dan kemahiran Islam, sama ada untuk jangka pendek atau jangka panjang.

Eksspo Islam Antarabangsa I akan mengandungi empat komponen utama iaitu Majlis Perasmian Eksspo, Pameran Warisan Islam, Pameran Maklumat dan Penerbitan Islam dan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara.



Mesyuarat Pertama Eksspo Islam Antarabangsa membincangkan arah tuju, polisi dan konsep pengurusan dan perjalanan mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan.

(Dari Muka 9)

عن الأفريج ، عن أبي هريرة : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَتَنَعَّمُ أَخْذَكُمْ حَارَةٌ إِذْ يَغْزِرُ حَسْبَتَهُ فِي جِنَارِهِ ، قَالَ : نَعَمْ يَقُولُ أَبُو هُرَيْرَةَ : مَا لِي أَرَأَكُمْ عَنْهَا مُغَرِّبِينَ وَاللَّهُ لَأَرْبِطَنَّ بِهَا تِينَ أَكْتَبْكُمْ .

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Bersumber daripada Al-A'raj daripada Abu Hurairah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda. "Janganlah salah seorang daripada kamu mencegah tetangganya yang akan menancapkan papan di temboknya." Al-A'raj berkata: "Kemudian Abu Hurairah berkata. "Mengapa kalian berpaling daripada masalah ini? Demi Allah, aku akan melemparkannya di antara bahu-bahu kamu."

(Hadis riwayat Muslim)

Imam Nawawi ketika menghuraikan perkataan:

مَا لِي أَرَأَكُمْ عَنْهَا مُغَرِّبِينَ أَيْ غَرَبَ الْمُنْتَهَى وَالْمُحَصَّلَةُ وَالْمُوَعْدَةُ أَنْ
الْكِتَابُ

Ertinya: "Kenapa kalian berpaling yakni daripada sunnah Nabi, perangai mulia, bimbingan atau kata-kata ini?"

Kesimpulannya bahawa masalah jalan laluan ke tanah yang tersekat yang terpaksa melalui tanah yang lain hendaklah diselesaikan terlebih dahulu secara *ukhuwwah Islamiyyah* (persaudaraan Islam) di antara pemilik tanah terbabit, sama ada pemilik dijadikan sebagai penerima wakaf, melalui jual beli, tukar ganti tanah atau sebagainya.

Akan tetapi jika laju pemilik tanah enggan dan tidak rela tanahnya dijadikan sebagai jalan laluan walau dengan apa cara sekalipun, maka pihak berkuasa, mengikut Islam, berhak mengambil tanah yang diperlukan untuk dijadikan jalan laluan itu demi maslahat atau demi kepentingan umum kerana tanpa laluan itu pemilik tanah yang berhajat akan menanggung kesusahan sampai bila-bila. Kesusahan serupa ini mestilah dihindarkan, sama ada dengan cara pihak berkuasa memberikan imbuhan yang selayaknya kepada pemilik tanah yang terlibat dengan menggunakan pembendaharaan kerajaan atau daripada pemilik tanah yang berhajat atau mana-mana jua yang munasabah.

Perlulah diingat untuk masa-masa akan datang, bahawa kerajaan mustahaklah benar-benar memastikan sebarang pembahagian tanah itu tidak akan berlaku sehingga ada tanah-tanah yang tersekat atau terhalang oleh tanah lain sehingga boleh menimbulkan kesusahan apabila tanah yang tersekat atau terhalang itu hendak diguna atau dimanfaatkan. Masalah begini rasanya masih boleh dielakkan jika kerajaan lebih awal menyedari, bahawa setiap tanah yang akan dikeluarkan geran, sama ada geran itu geran baru atau geran lama kerana satu-satu pemecahan atau pembahagian, maka hendaklah dipastikan bahawa tidak akan ada tanah yang boleh menghalangi laluan atau dihalangi laluannya oleh mana-mana tanah lain yang berdekatan atau bersempadan dengannya. Salah satu cara yang boleh dibuat ialah, misalnya, dengan menentukan lebih awal *reserve* laluan jalan yang sedia ditentukan *excess* bagi laluan jalan mana-mana tanah yang terlapis.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

Selawat untuk

MEMOHON REZEKI

Berzikir dan berselawat adalah antara cara mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wata'ala di samping memperolehi berbagai fadhlat tersendiri yang dapat memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada yang mengamalkannya.

Salah satu selawat yang baik untuk diamalkan setiap hari oleh setiap individu Muslim yang Insya Allah dapat membuka berbagai pintu rezeki dan ilmu, mengelakkan diri daripada kemiskinan dan mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi ialah selawat *Li Tausii' il Arzaaq*.

Selawat ini jika diamalkan setiap hari selepas mengerjakan sembahyang dengan seberapa banyak yang mampu, Insya Allah, Allah akan memberi kelapangan rezeki dan berkat serta menjauahkan daripada malapetaka yang merugikan.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّةً تُوَسِّعُ بِهَا عَلَيْنَا الْأَرْزَاقَ
وَتُحَسِّنْ بِهَا لَنَا الْأَخْلَاقَ وَعَلَى إِلَهِ وَصَحِّيْهِ وَسَلِّمْ

Maksudnya : " Ya Allah, limpahkanlah rahmat kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam yang dengan rahmat itu, maka akan melapangkan semua rezeki kepada kami. Dan dengan rahmat itu pula akan mencantikkan akhlak kami. Dan semoga Allah melimpahkan rahmat kepada keluarga serta sahabat Baginda. Dan berilah kesejahteraan ".

Satu lagi selawat khas untuk memohon rezeki ialah Selawat Futuh. Selawat ini juga untuk memohon rezeki.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى إِلَهِ بِعْدِ أَنْوَاعِ الرِّزْقِ وَالْفُسُوحَاتِ
يَا بَاسِطَ الرِّزْقِ لِمَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ أَبْسِطْ عَلَيْنَا رِزْقًا
وَاسِعًا مِنْ كُلِّ حَجَةٍ وَمِنْ خَرَائِنِ غَيْبِكَ بِغَيْرِ مِنَةٍ مَخْلُوقٍ بِسَخْنِ فَضْلِكَ
وَكَرَمِكَ بِغَيْرِ حِسَابٍ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya : " Ya Allah, limpahkanlah rahmat dan kesejahteraan kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dan ke atas keluarganya dengan bilangan sebanyak rezeki dan apa-apa yang dibuka. Wahai Allah yang membuka rezeki bagi siapa yang dikehendaki dengan tiada diduga , bukalah ke atas kami rezeki yang luas dari setiap penjuru dan dari gedung ghaibMu dengan tiada mengharapkan makhluk dengan sebenar kurniaan dan kemuliaanMu dengan berkat rahmatMu wahai yang Penyayang daripada segala yang penyayang ".

Selawat berkenaan di samping satu usaha dalam mempertingkatkan taraf hidup, kita juga mendapat ganjaran pahala dengan memperbaikanya berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Ibnu 'Asakir yang maksudnya:

" Perbanyaklah oleh kamu ucapan selawat ke atasku kerana sesungguhnya selawat itu akan menjadi cahaya di dalam kubur dan cahaya di atas titian dan cahaya di dalam syurga".

Brunei pada malam 12 Rabjulawal, 1421 bersamaan 14 Jun, 2000.

Titah baginda, "Kita memerlukan 'pancaindera rasa' yang tajam dan sensitif untuk merasakan betapa lazatnya Iman itu. Adapun 'pancaindera rasa' yang tumpul dan kurang sensitif, boleh membawa kita karam di daratan, hilang pegangan dan terbiasa daripada landasan kebenaran. Ertinya, suluh dan kemudi kita, tidak lain ialah Iman"

Dalam dunia yang dipenuhi oleh penyakit-penyakit sosial yang kronik, titah baginda, umat Islam memerlukan ubat dan penyembuhnya. Penyakit-penyakit itu, bukanlah boleh diubat atau disembuhkan dengan pil ataupun pembedahan, tetapi dengan kesedaran beragama dan benar-benar beriman dengan Hari Akhirat.

"Kita mesti yakin dan benar-benar beriman terhadap hari akhirat, bahawa di sana ada hisab dan pembalasan: Yang baik akan dibalas dengan nikmat Allah, sementara dosa dan maksiat pula akan dibalas dengan azab dan nerakaNya."

Kemuncak perayaan, Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam ialah pada hari Khamis 12 Rabiulawal



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengepalai Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam.

1421 bersamaan 15 Jun, 2000, dengan perhimpunan dan perarakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk bagi meraikan sambutan kemuncak itu.



Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul 'Azim.

Di perhimpunan dan perarakan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disembah-kenalkan dan berkenan menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian, dan mengepalai perarakan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Seramai lebih 35 ribu umat Islam telah menyertai perhimpunan dan perarakan tersebut yang bertema Mengukuhkan Jati Diri Ummah Menurut Ajaran Islam.

Perwakilan dari negara sahabat dan Setiausaha-Setiausaha Tetap adalah di antara puluhan ribu orang yang hadir di perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Alamat: Tingkat 3, Bangunan Pejabat Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8510, Brunei Darussalam.

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn dan Fatwa@brunet.bn